



IPT digesa ubah kurikulum hasilkan *k-worker*

Mingguan Malaysia (Dlm Negeri) 2/11/08 Ahad - ms 12

KUANTAN 1 Nov. - Institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini digesa sentiasa mengubah suai kurikulum mereka mengikut keperluan semasa dalam usaha melahirkan lebih ramai graduan yang mampu bekerja berteraskan ilmu pengetahuan (*k-worker*).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, perkara itu perlu diberi penekanan kerana *k-worker* memainkan peranan penting dalam pembangunan negara yang berteraskan kemajuan sains dan teknologi.

"Golongan *k-worker* adalah pendukung kepada hasrat yang ingin dicapai negara, justeru kerajaan akan memberi tumpuan kepada sektor pendidikan bagi menyelesaikan masalah kekurangan *k-worker* di negara ini," katanya pada Majlis Aspirasi Kecemerlangan Universiti Bersama Industri, Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Hotel MS Garden, di sini malam tadi.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Mohd. Hilmei Mohd. Taib dan Naib Canselor UMP, Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Pada majlis sama, Zulkefli turut menyampaikan Anugerah Kecemerlangan UMP kepada 36 ahli akademik dan penyelidik UMP yang berjaya menghasilkan dokumen ilmiah daripada penyelidikan mereka.

Turut menerima pengiktirafan melalui Anugerah Rakan Strategik UMP ialah 10 syarikat yang menjalin kerjasama industri termasuk penyelidikan dan inovasi, pembangunan usahawan dan latihan industri.

Antara penerima ialah Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian (LKPP) Corporation Sdn. Bhd., Zone Safety Sdn. Bhd., Perbadanan Pembangunan Industri Kecil & Sederhana (Smidec), Sony EMCS Sdn. Bhd., Mercedes-Benz Malaysia Sdn. Bhd., Satyam Computer Services Ltd., Sime Darby Engineering Sdn. Bhd. dan BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd.

Sementara itu, Daing Nasir dalam ucapannya berkata, kerjasama yang dijalin dengan pihak industri diharap akan berterusan kerana ia telah menghasilkan pencapaian memberangsangkan dari segi penerimaan industri kepada siswazah UMP.

"Kini terdapat 537 pelajar UMP sedang mengikuti latihan industri pada semester akhir pengajian, 14 lagi sedang mengikuti latihan industri di luar negara, syarikat multinasional (150) dan syarikat rakan strategik UMP (70)," ujar beliau.